

Media massa sering kali dianggap sebagai sumber berita, maklumat dan hiburan serta terdapat di mana saja dalam kehidupan moden.

Sehubungan itu, media massa adalah medium paling berkesan untuk menyampaikan maklumat terkini kepada orang ramai.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam industri media massa bermula sejak 1980-an lagi.

Kemunculan pelbagai bentuk dan saluran media massa pada masa kini sama ada media cetak atau elektronik membuktikan perkembangan dan kepesatan ilmu dalam masyarakat.

Secara tidak sedar media juga berpengaruh besar dalam masyarakat, apabila ia

Media sebagai **medium** dakwah

■ Tiga prinsip utama perlu diambil kira dalam menyampaikan berita

menjadi tumpuan semua sektor yang ada di Malaysia sama ada politik, ekonomi mahupun sosial.

Justeru, media massa memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting.

Malah, ia amanah sangat berat dalam menyampaikan maklumat benar, tepat dan berfaedah kepada masyarakat.

Bukan itu saja, maklumat disebarkan media massa juga perlu mengambil kira tanggungjawab mendidik ma-

syarakat ke arah kebaikan dan kemungkaran.

Rasulullah SAW meletakkan beberapa prinsip dalam penyampaian dan penerimaan sesuatu berita.

Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan Imam Muslim maksudnya: "Sesapa menyampaikan daripada hadisku yang kelihatan dusta, maka dia salah seorang pendusta."

Prinsip pertama, berita disampaikan itu hendaklah berdasarkan kebenaran me-

lalui fakta dan bukti jelas.

Berita disampaikan atas dasar sangkaan, khabar angin ataupun pendustaan mesti dihindarkan.

Ini kerana berita sebegini sudah tentu akan membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam sendiri.

Prinsip kedua, media massa hendaklah berpegang kepada amal makruf nahi mungkar.

Media massa harus memainkan peranan mereka mendidik masyarakat kepa-

da kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

Tidak dinafikan terdapat banyak program atau slot berbentuk agama, motivasi dan informasi disiarkan atau dipaparkan di media massa pada masa kini yang menyeru kepada kebaikan.

Namun realitinya, program menyeru kepada kemungkaran, berita melalakan dan gambar mengasyikkan, lebih banyak disiarkan berbanding program Islamik, malah ia membawa kesan

negatif kepada penonton.

Prinsip ketiga, media massa hendaklah berpegang kepada perpaduan dan menjauhi perpecahan apabila Islam itu sentiasa memperjuangkan perpaduan yang kukuh dalam kalangan umat Islam.

Nur Hidayah bt Md Esa
Ain Latifah bt Md Isa
Nur Hasyima bt Ismail
Nur Hidayah bt Rosali
Nadilah bt Abdul Rahim
USIM, Nilai